

28 JUL 1997

Anwar-Hukum

JANGAN GOPOH LAKSANA HUKUM SYARIAH, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 28 Julai (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengingatkan pihak berkuasa Jabatan Agama Islam Negeri supaya tidak gopoh dan membuat peraturan yang terlalu mengongkong sehingga menimbulkan ketakutan dan ketegangan di kalangan masyarakat.

Katanya setiap pelaksanaan dan penguatkuasaan khususnya undang-undang syariah hendaklah dilakukan dengan penuh kebijaksanaan dan menerusi pendekatan yang sederhana.

"Dalam melaksanakan hukum (syariah) ini pada anak-anak muda terutamanya ialah yang salah itu memang salah... tetapi gunalah kebijaksanaan, gunakan semangat kasih sayang dan jangan pula seolah-olah gejala sosial di negara ini hanya disebabkan pertunjukan seni dan hiburan," kata Anwar semasa berucap pada Majlis Bersama Rakyat di Sekolah Kebangsaan Puchong Jaya dekat sini hari ini.

Pada majlis itu Anwar turut merasmikan bangunan Sekolah Kebangsaan Puchong Jaya dan melancarkan homepage sekolah itu serta menerima sumbangan RM60,000 daripada sektor swasta untuk membiayai pembelian buku pusat sumber sekolah.

Beliau berkata pihak berkuasa perlu adil dan bijak memahami keadaan anak-anak muda dalam isu sosial, kebudayaan dan kesenian bagi memberi peluang kepada mereka untuk menikmati hiburan dengan cara serta nilai yang terbaik seperti yang pernah dirasai generasi dewasa pada zaman sebelum ini.

"Jangan buat peraturan undang-undang yang terlalu mengongkong sangat, kita perlu tunjukkan kebijaksanaan... kalau tidak anak muda kita akan lari kerana kegopohan dan ketidakbijaksanaan kita menangani masalah ini (isu sosial dan pelaksanaan hukum serta undang-undang)," katanya.

Beliau berkata sebagai sebuah negara berbilang kaum dan pelbagai agama, kebijaksanaan serta kepekaan yang lebih tinggi perlu ada untuk menangani isu sosial dan pelaksanaan hukum agama.

"Malaysia jadi model dan disegani serta dicontohi sebagai negara Islam kerana mengamalkan kesederhanaan dalam penerapan nilai-nilai Islam. Jangan kita gopoh dan mengubah imej baik ini," katanya.

Anwar berkata nasihat dan teguran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini tentang perlunya kesederhanaan dan kebijaksanaan dalam melaksanakan hukum dan undang-undang adalah wajar.

"Bukan maksud Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau saya atau kawan-kawan lain meremehkan dan memperkecilkan soal hukum agama dan syariah. Kita juga tidak mahu anak-anak kita sampai keliru hingga haru-biru dan hilang moral dan pegangan akidah," katanya.

Beliau berkata pendidikan agama dan nilai moral lebih banyak ditekankan pada masa ini dan dalam hal ini, berharap pihak sekolah melakukan secara praktikal seperti solat berjemaah.

"Tetapi janganlah jadikan pertunjukan dan hiburan sebagai punca segala masalah kemaksiatan, kerana saya fikir ini hanya akan menyebabkan kita mengambil pendekatan yang keterlaluan untuk menangani masalah sosial di negara kita," katanya.

Anwar berkata beliau mengulas isu mengenai pelaksanaan dan penguatkuasaan hukum syariah kerana isu itu sensitif di Selangor dan memilih untuk membicarakan hal itu semasa lawatan seharinya di Selangor hari ini.

Antara isu yang pernah hangat di Selangor ialah pengharaman konsert Michael Jackson dan juga KRU. Yang terbaru ialah kes penangkapan dan

pendakwaan tiga wanita Melayu yang menyertai pertandingan ratu cantik oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Mengenai sekolah yang menjadi institusi penting pembangunan masyarakat, Anwar berkata setiap pihak terutamanya masyarakat dan ibu bapa hendaklah memanfaatkan sepenuhnya kemudahan yang disediakan tetapi tidak memindahkan beban serta tanggungjawab mendidik anak kepada guru, sekolah dan kerajaan.

-- BERNAMA

HS MAI